



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

|              |   |              |            |   |    |
|--------------|---|--------------|------------|---|----|
| SURAT KHABAR | : | HARIAN METRO |            |   |    |
| TARIKH       | : | 16.08.22     | MUKA SURAT | : | 13 |
| JABATAN      | : | TNB          |            |   |    |

Harian Metro | Selasa 16.08.2022

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my 13

lokal

**Suara Anda,  
Kami Dengar**

Jika ada sebarang masalah di kawasan anda boleh dikongsikan ke alamat e-mel **Suara Anda, Kami Dengar** di: [am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my).

**KAMPUNG PASIR: MBS AMBIL TINDAKAN**

# Lantik juruukur kesan punca

Oleh Ahmad Hasbi  
[am@hmetro.com.my](mailto:am@hmetro.com.my)

**Seremban**

Juruukur akan dilantik segera bagi mengenal pasti faktor utama yang menyebabkan masalah banjir kilat dan pembetulan tidak lancar di Kampung Pasir, Rasah di sini.

Datuk Bandar Datuk Masri Razali berkata, lantikan akan dibuat Majlis Bandaraya Seremban (MBS) agar langkah selanjutnya dapat diambil.

Bagaimanapun beliau mengakui kemudahan asas dan kedudukan rumah di kampung itu yang tidak te-

ratur merumitkan pihaknya untuk menyelesaikan masalah berkenaan apatah lagi ia membabitkan tanah persendirian.

"Sebenarnya kampung itu berasal daripada perumahan setinggan di atas tanah milik kerajaan dan kita sedia maklum keadaan di penempatan berkenaan.

"Bagaimanapun, selepas beberapa lama mendiami kawasan itu, penduduk mula menuntut hak milik tanah dan kerajaan negeri pada ketika itu meluluskannya tanpa memikirkan justifikasinya," katanya ketika dihubungi Harian Metro.

Masri berkata, disebabkan pelan perancang uta-



**Sebenarnya kampung itu berasal daripada perumahan setinggan di atas tanah milik kerajaan dan kita sedia maklum keadaan di penempatan itu"**

Masri Razali

manya yang tidak teratur, sebarang pembangunan atau pembinaan kemudahan asas juga rumit dan lebih memburukkan keadaan apabila semakin banyak rumah baharu yang

## Harmoni 100 tahun terganggu



LAPORAN Harian Metro, semalam.

orang lain. Usaha untuk mengatasi masalah yang dihadapi penduduk sukar untuk diselesaikan lebih-lebih lagi dalam jangka pendek.

"Bagaimanapun, MBS akan melantik surveyor (juruukur) untuk melihat dan mengenal pasti masalah, sekali gus mencari cara menanganinya. Hasil dapatan daripada surveyor itu nanti akan dibincangkan dan kerja yang sesuai akan dilaksanakan.

"Bagaimanapun, ia mungkin memakan sedikit masa. Jadi, saya berharap penduduk dapat bersabar. MBS cuba buat yang terbaik," katanya.

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
No. Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763 | Web : [www.ketsa.gov.my](http://www.ketsa.gov.my)



KeTSAMalaysia



KeTSAMalaysia



ketsa.malaysia